**LAMPIRAN 7**

[ No. Ruj. ]

# KERTAS KERJA

# PELAKSANAAN PROGRAM

# PEMBUDAYAAN GENERASI MADANI:

# MAKMAL AKTIF LESTARI 2026

**TARIKH:**

## Julai - November 2026

**LAMPIRAN 7**

[ No. Ruj. ]

# KERTAS KERJA PELAKSANAAN PROGRAM PEMBUDAYAAN GENERASI MADANI: MAKMAL AKTIF LESTARI 2026

## 1.0 PENGENALAN

Program Pembentukan Karakter Generasi MADANI KPM bermatlamat untuk membangunkan karakter murid secara holistik merangkumi aspek intelektual, sahsiah, dan spiritual. Prakarsa ini direncanakan secara koheren dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Nilai Teras Malaysia MADANI, dan Matlamat Pembangunan Mampan (MPM). Pelaksanaannya adalah selaras dengan Teras Strategik 2 Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035 yang berfokus kepada pembangunan bakat dan karakter secara khususnya, pengukuhan jati diri dan sahsiah bagi melahirkan insan berakhlak mulia yang mampu mendepani cabaran global

Pelaksanaan Makmal Aktif Lestari (MAL) **SJKC St. Michael & All Angels** merupakan satu inisiatif di bawah teras strategik Rancangan Pendidikan Malaysia 2026-2035 (Teras Strategik 6) di bawah Program Pembentukan Karakter Generasi MADANI KPM. Program ini merupakan program di bawah Strategi 1: Pembudayaan Generasi MADANI, yang memberikan fokus kepada pembentukan generasi yang bertanggungjawab sebagai agen perubahan. Pelaksanaan MAL menggunakan pendekatan menyeluruh institusi (*whole-institute approach*) yang menggabungkan semua aspek dari pentadbiran sehingga penglibatan komuniti luar.

**LAMPIRAN 7**

[ No. Ruj. ]

# 2.0 TUJUAN

Makmal Aktif Lestari (MAL) bertujuan membentuk generasi yang bertanggungjawab memacu pembudayaan amalan kemampanan secara menyeluruh melalui aktiviti berpusatkan murid yang transformatif.

# 3.0 OBJEKTIF

Objektif utama pelaksanaan Makmal Aktif Lestari ini adalah untuk:

1. Menyediakan ruang transformatif dan kolaboratif luar bilik darjah bagi melaksanakan projek penyelesaian masalah yang membawa perubahan positif di sekolah atau komuniti.
2. Menyemai rasa tanggungjawab dalam kalangan murid sebagai agen perubahan dalam membina masa depan negara yang mampan.
3. Membina kemahiran kepimpinan murid melalui pendekatan pedagogi aktif selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (MPM).

# 4.0 BUTIRAN PROGRAM

- **Tarikh Pelaksanaan:** 26/10/2026 hingga 30/10/2026
- **Masa:** Waktu persekolahan / Mengikut kesesuaian jadual institusi
- **Tempat:** Ruang Kolaboratif Luar Bilik Darjah yang dikhaskan di institusi pendidikan
- **Kumpulan Sasaran:** Semua murid dan warga institusi pendidikan (Pusat PERMATA Kurnia / Sekolah Rendah / Sekolah Menengah / Kolej Matrikulasi / Institut Pendidikan Guru)
- **Pelaksana:** Ketua Jabatan / Panitia / Unit Kokurikulum Institusi Pendidikan

**LAMPIRAN 7**

[ No. Ruj. ]

# 5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Bagi mencapai objektif program, institusi pendidikan diwajibkan untuk melaksanakan tiga komponen utama seperti ketetapan berikut:

| Komponen | Butiran dan Cadangan Aktiviti |
|---|---|
| **1. Poster Infografik**<br><br>*(Paparan poster di institusi pendidikan dalam bentuk cetakan atau digital)* | Poster yang wajib dipaparkan merangkumi elemen berikut:<br>● 5 Ciri Insan Sejahtera<br>● 6 Nilai Teras Malaysia MADANI<br>● Fokus Generasi MADANI<br>● Matlamat Pembangunan Mampan (MPM) |
| **2. Ikon Lestari** | Memaparkan Ikon Lestari sepanjang tahun secara berkala. Pemilihan ikon dilakukan mengikut kesesuaian institusi berdasarkan kemampuan ikon tersebut dalam membuat keputusan secara bertanggungjawab, serta memiliki kemahiran komunikasi dan empati yang mendalam. |
| **3. Makmal Aktif Lestari (Projek Nyata)**<br><br>*(Ruang penyelesaian masalah / aktiviti interaktif)* | Murid-murid akan memilih isu dan melaksanakan projek nyata untuk menyelesaikan isu tersebut secara berpusat di ruang MAL. |

**LAMPIRAN 7**

[ No. Ruj. ]

# 6.0 ANGGARAN PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN

Peruntukan adalah berdasarkan sumber kewangan yang diturunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada institusi berkaitan.

| **Pendapatan** | |
|---|---|
| Peruntukan OS42000 - 030348 Pembentukan Karakter | **RM 400.00** |

| Bil. | Perkara/ Item | Kuantiti | Harga seunit (RM) | Harga (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Poster generasi MADANI infografik | 1 | 100.00 | 100.00 |
| 2. | Bahan hiasan dan dekorasi berwarna-warni unruk projek raung kolaboratif | 1 | 150.00 | 150.00 |
| 3. | Lencana ikon lestari | 50 | 3.00 | 150.00 |
| Jumlah Besar | | | | 400.00 |

# 7.0 PELAPORAN

Semua pelaksanaan program Makmal Aktif Lestari akan dilaporkan kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) sebelum **1 Ogos 2026** melalui pautan Portal Generasi MADANI rasmi yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

# 8.0 PENUTUP

Diharapkan pelaksanaan Program Makmal Aktif Lestari di bawah inisiatif Generasi MADANI ini dapat memastikan kelestarian amalan kemampanan berjaya dipupuk dalam kalangan murid, sekaligus membentuk bakal pemimpin negara yang seimbang, beretika, kreatif, dan inovatif mendepani cabaran global.

Disediakan Oleh:

…….
**(PHOON KOK FULL)**
Penolong Kanan Pentadbiran
SJKC St. Michael & All Angels
Tarikh: 31/7/2026

Disemakkan Oleh:

…….
**(JACINTHA TONG WAN LI)**
Guru Besar
SJKC St. Michael & All Angels
Tarikh:

**LAMPIRAN 7**

[ No. Ruj. ]

---

## KEPUTUSAN PENGURUS SEKOLAH

☐ DILULUSKAN

atau

☐ TIDAK DILULUSKAN

Ulasan : …….

…….

_____

**(JACINTHA TONG WAN LI)**

Guru Besar

SJKC St. Michael & All Angels, Ipoh

Tarikh: